

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL  
KARIM [BATANG LUPAR]**

**SOALAN**

**DATO'SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah garis panduan dan proses yang perlu dilakukan oleh majikan untuk membawa pembantu rumah warga asing ke dalam negara bermula Januari seperti yang dinyatakan oleh Kementerian sebagai persediaan awal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Terdapat lapan (8) negara sumber sahaja yang dibenarkan untuk menggajikan pembantu rumah warga asing di Malaysia antaranya adalah Indonesia, Thailand, Kemboja (dibekukan bermula Januari 2012), Filipina, Sri Lanka, India, Vietnam dan Laos.

Pembantu rumah warga asing yang terkandas di negara asal selepas Kerajaan menutup sempadan susulan penularan wabak COVID-19 telah dibenarkan kembali ke Malaysia. Antara syarat utama ialah perlu mempunyai visa bekerja yang masih sah dan mendapat kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Proses permohonan pembantu rumah asing yang dilaksanakan oleh JIM terdiri daripada empat (4) fasa iaitu:

**Fasa 1**

Majikan perlu mengisi borang yang diperlukan untuk memohon pembantu rumah asing dan menyediakan segala dokumen sokongan

yang diperlukan dengan lengkap. Permohonan boleh dibuat di semua Pejabat Imigresen Negeri mengikut alamat majikan.

Selain itu, permohonan ini boleh dikemukakan melalui 2 cara iaitu dikemukakan oleh majikan itu sendiri ataupun melalui Agensi Pekerjaan yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia di Pejabat Imigresen Negeri mengikut alamat majikan.

### **Fasa 2**

Setelah permohonan untuk mendapatkan pembantu rumah asing diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, majikan perlu membuat bayaran levi, visa, proses dan Pas Lawatan Kerja Sementara sebelum mendapatkan Visa Dengan Rujukan bagi membolehkan mereka memasuki Malaysia.

Setelah mendapat Visa Dengan Rujukan, pembantu rumah asing perlu mendapat visa di Pejabat Perwakilan Malaysia di negara asal **SEBELUM** masuk ke Malaysia. Setelah mendapat visa, pembantu rumah asing boleh masuk ke Malaysia melalui mana-mana pintu masuk yang dibenarkan.

### **Fasa 3**

Ketika ketibaan di Malaysia, majikan/ agensi pekerjaan dikehendaki menunggu dan menjemput PRA berkenaan di pintu masuk berkenaan. Pegawai Imigresen yang bertugas di pintu-pintu masuk yang dibenarkan akan memberikan Pas Khas untuk tempoh 30 hari bagi majikan melaporkan kehadiran pembantu rumah asing berkenaan di Pejabat Imigresen yang meluluskan Visa Dengan Rujukan berkenaan.

Dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ketibaan pembantu rumah asing, majikan/agensi perlulah memastikan pembantu rumah asing menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik yang berdaftar dengan FOMEMA Sdn. Bhd. dalam kadar segera.

### **Fasa 4**

Setelah mendapat keputusan pemeriksaan kesihatan, majikan perlu membawa salinan pasport serta Laporan Pemeriksaan Kesihatan FOMEMA pembantu rumah asing untuk mendapatkan endorsemen Pas

## SOALAN NO : 335

Lawatan Kerja Sementara di Pejabat Imigresen yang mengeluarkan Visa Dengan Rujukan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ketibaan di Malaysia.

Tempoh Pas Lawatan Kerja Sementara akan bermula pada tarikh kemasukan ke Malaysia dan pembantu rumah asing berkenaan dibenarkan bekerja sehingga tarikh akhir yang tercatat pada pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara. Di samping itu, pembantu rumah asing hanya dibenarkan bekerja dengan majikan dan tempat kediaman sebagaimana yang tercatat di dalam Pas Lawatan Kerja Sementara berkenaan.

Sekiranya pembantu rumah asing telah disahkan tidak sihat dan gagal pemeriksaan kesihatan oleh klinik yang berdaftar dengan FOMEMA, mereka tidak dibenarkan untuk bekerja di Malaysia dan perlu dihantar balik ke negara asal. Majikan perlu hadir ke Pejabat Imigresen yang mengeluarkan Visa Dengan Rujukan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ketibaan pembantu rumah asing di Malaysia untuk memaklumkan kepada pihak Imigresen dan mendapatkan Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo*) untuk menguruskan penghantaran pulang pembantu rumah asing ke negara asal.